

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	04 DECEMBER 2016

Tumpuan ekonomi ke arah lahirkan Melayu global

um- 4/12/2016

KUALA LUMPUR 3 Dis. - Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak menjelaskan, tumpuan ekonomi yang diberikan kerajaan ketika ini termasuk pelaburan besar dengan kerajaan China bertujuan melahirkan Melayu global pada masa depan.

Beliau yang juga Perdana Menteri berkata, usaha itu juga bagi melahirkan usahawan Melayu unggul dan hebat yang bukan lagi hanya terlibat dengan projek-projek kecil atau terus berniaga di arked-arked.

Mengambil contoh dalam projek Transit Aliran Massa (MRT) yang akan dilancarkan bulan ini, beliau berkata, kerajaan sudah menetapkan 50 peratus kios perniagaan di stesen pengangkutan awam itu perlu disediakan kepada usahawan bumiputera.


"Malah, saya sendiri akan menyampaikan surat tawaran perniagaan itu kepada usahawan bumiputera ini sebab saya mahu melihat usahawan Melayu ini yang akan berniaga di tengah-tengah perniagaan Malaysia moden," kata beliau dalam ucapan penggulungan Perhimpunan Agung UMNO 2016 di sini.

Tambahnya, usaha itu dengan sendirinya menjawab dakwaan kononnya dasar yang dirangka kerajaan tidak mengambil kira kepentingan orang Melayu dan bumiputera.

Menurut beliau, selain bertujuan terus memajukan negara,



Waktu Solat



MBSB

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya	5.45	7.04	1.06	4.29	7.03	8.17
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya	5.53	7.13	1.11	4.33	7.05	8.19
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya	5.38	7.00	1.01	4.23	6.58	8.13
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya	5.33	6.55	12.58	4.21	6.57	8.12
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya	5.08	6.31	12.33	3.57	6.33	7.47

tumpuan ekonomi kerajaan ketika ini juga bagi meletakkan Malaysia sebagai negara kelas pertama bukan lagi kelas kedua.

"Mengikut perancangan saya sebagai ketua kerajaan, saya hendak supaya RM1.3 trilion ekonomi negara ketika ini boleh sampai ke tahap RM2 trilion iaitu pertumbuhan lima peratus dalam tempoh tujuh tahun.

"Jika kita berjaya mencapai RM2 trilion ekonomi itu, maknanya pendapatan perkapita kita juga bertambah dan lebih banyak dapat dilakukan kerajaan untuk kemakmuran rakyat," katanya.